



Headline: Macau Scam: Pesara kerajaan rugi RM30,000 Language: Malay
Publication/Portal: Utusan Malaysia Section: Dalam Negeri
Date: 6 August 2019 Page: 9

Macau Scam: Pesara kerajaan rugi RM30,000

KOTA BHARU 5 Ogos - Seorang pesara kerajaan mengalami kerugian RM30,000 selepas dipercayai ditipu oleh sindiket Macau Scam di sini pada 31 Julai lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri Superintenden Ahmad Azizul Mohamed berkata, mangsa yang merupakan seorang wanita berusia 60-an dikatakan terjerat dengan sindiket tersebut selepas menerima panggilan telefon yang mendakwa dari sebuah mahkamah di Melaka.

Beliau berkata, dalam perbualan tersebut, sindiket itu mendakwa mangsa dituduh di mahkamah berkenaan bagi menghadapi perbicaraan kes saman kad kredit tertunggak melebihi RM16,000 pada minggu lalu.

"Bagi meyakinkan mangsa, suspek telah memintanya membuat laporan di 'Balai Polis Melaka' pada hari berkenaan bagaimanapun pada masa yang sama, suspek telah menyambungkan panggilan ke balai polis

tersebut dan mangsa bercakap dengan tiga 'pegawai polis'.

"Ketika itu mangsa diberitahu jika hendak selesaikan kes luar mahkamah, mangsa perlu menghubungkan terus akaun bank dengan mahkamah dan mereka turut mengajar mangsa menukarkan nombor telefon bimbit untuk perbankan internet kepada nombor telefon milik suspek," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahmad memberitahu, pada keesokan harinya mangsa baru terfikir untuk menyemak berhubung kad kredit tersebut dengan pergi ke bank dan mendapati tiada rekod.

Ujarnya, mangsa juga terkejut apabila wangnya sebanyak RM30,000 lesap.

"Berikutan kejadian itu mangsa membuat laporan di Ibu pejabat Polis Daerah Kota Bharu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.